

## Peruntukan Undang-undang terhadap Kesalahan Persektubuhan Luar Nikah dalam Kalangan Remaja Muslim: Isu dan Cabaran

*Legal Provisions on Unlawful Sexual Intercourse Among Muslim Adolescents: Issues and Challenges*

Nur Aina Abdulah,<sup>✉</sup> Nur Al-Farhain Kamaruzaman, Mashitah Abdul Mutalib, & Nurul Ain Hazram  
Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan

### ABSTRAK

Persektubuhan luar nikah secara umumnya merupakan istilah yang digunakan dalam undang-undang Syariah di Malaysia yang membawa maksud yang sama dengan zina, jenayah berat dalam Islam. Pengharaman zina disyariatkan demi untuk menjaga kehormatan dan memelihara nasab keturunan (*hifz al-nasal*) seperti yang terkandung dalam maqasid Syariah. Zina juga merupakan antara masalah sosial yang berlaku dalam negara yang menimbulkan kegusaran serta kebimbangan. Permasalahan kajian adalah walaupun telah wujud undang-undang berkenaan kesalahan zina, namun ia dilihat masih tidak dapat membendung peningkatan statistik kes terutamanya dalam kalangan remaja Muslim. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis peruntukan undang-undang di Malaysia terhadap kesalahan zina dalam kalangan remaja Muslim serta isu dan cabaran yang timbul daripadanya. Metodologi kajian kualitatif digunakan dengan reka bentuk analisis kandungan. Data kemudiannya dianalisis secara deskriptif dan tematik berdasarkan objektif kajian. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat konflik perundangan antara undang-undang sivil dengan Syariah dari segi tafsiran rogol dan zina yang turut memberi kesan kepada bentuk hukuman. Konflik ini perlu diberikan perhatian dan diselesaikan sebaiknya demi membendung jenayah zina dalam kalangan remaja Muslim.

### KATA KUNCI

Jenayah, persektubuhan luar nikah, peruntukan undang-undang, remaja Muslim, zina

### ABSTRACT

*Unlawful sexual intercourse is generally a term used in Malaysian Shariah law that carries the same meaning as zina, a major offence in Islam. The prohibition of zina is prescribed to safeguard honour and preserve legitimate lineage (hifz al-nasal), as articulated within the objectives of Shariah (maqasid al-Shariah). Zina has also emerged as a pressing social problem in the country, raising significant concern among the community. The problem statement of this study lies in the fact that, despite the existence of legislation governing the offence of zina, it appears insufficient in curbing the rising number of cases, particularly among Muslim adolescents. Therefore, this study aims to analyse the legal provisions in Malaysia relating to the offence of zina among Muslim adolescents, as well as the issues and challenges that arise from its enforcement. A qualitative research method with a content analysis design was employed. The data were analysed descriptively and thematically based on the research objectives. The findings indicate that there exists a legal conflict between civil and Shariah law in the interpretation of rape and zina, which subsequently affects the determination of punishment. This conflict warrants careful attention and resolution to effectively address and prevent zina offences among Muslim adolescents.*

### KEYWORDS

Crime, illicit sexual intercourse, Malaysian law, Muslim adolescent, zina

### Article History

Received: Nov 9, 2025  
Revised: Dec 8, 2025  
Accepted: Dec 12, 2025  
Published: Dec 15, 2025

### ✉ Contact

Nur Aina Abdulah  
(Corresponding Author)  
[nuraina.abdulah@usim.edu.my](mailto:nuraina.abdulah@usim.edu.my)

### Citation

Nur Aina Abdulah, Nur Al-Farhain Kamaruzaman, Mashitah Abdul Mutalib, & Nurul Ain Hazram. 2025. Peruntukan Undang-undang terhadap Kesalahan Persektubuhan Luar Nikah dalam Kalangan Remaja Muslim: Isu dan Cabaran. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 10(2): 104-109.

### Copyright

© 2025 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Non-Commercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

## PENGENALAN

Remaja bermaksud seseorang yang telah mulai dewasa, sudah akil baligh, muda, dan cukup umur untuk berkahwin (Kamus Dewan, t.t). Remaja juga merupakan individu yang sedang berada dalam tempoh peralihan daripada kanak-kanak menuju dewasa yang secara umumnya berumur antara 10 hingga 19 tahun (Kementerian Kesihatan Malaysia, t.t). Pada peringkat umur ini remaja mempunyai keberanian dan sifat ingin tahu yang tinggi yang sekiranya tidak diurus dengan baik boleh menyebabkan mereka tergelincir melakukan kesalahan seksual seperti persetubuhan luar nikah atau zina (Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara, t.t).

Persetubuhan luar nikah merupakan jenayah zina dalam Islam yang termasuk dalam kategori jenayah berat dikenali sebagai hudud. Zina didefinisikan oleh Al-Sarkhasi (1993) dan Ibn 'Abidin (1992) sebagai persetubuhan haram dengan perempuan hidup yang bukan isterinya yang sah dan dilakukan melalui vagina serta berlaku dalam negara Islam. Definisi ini dilengkapkan lagi oleh Al-Zaila'ie (1990) dengan menambahkan elemen kerelaan yang memberi makna suka sama suka tanpa paksaan, iaitu, 'persetubuhan haram dengan perempuan hidup (bukan mayat), yang bukan di bawah pemilikannya, dan juga bukan isterinya, yang dilakukan secara sukarela dan tanpa paksaan, serta berlaku dalam negara Islam'. Sementara itu, Ibn Rushd (2000), Al-Shirazi (1996), Al-Bahuti (2000), Al-Qurtubi, (2000), Al-Syafi'e, (1996), Ibn Qudamah (2009) meluaskan skop zina dengan memberikan definisi yang merangkumi persetubuhan haram sama ada melalui vagina ataupun dubur yang dilakukan oleh seorang lelaki dewasa (baligh dan berakal) dengan perempuan yang bukan isterinya.

Definisi zina dalam Islam berbeza dengan rogol dari segi cara ia dilakukan. Rogol diistilahkan oleh sebahagian ulama' seperti Ibn 'Abidin (1992) dan Al-Syarbini (2005) sebagai '*al-zinā bi al-ikrāh*' yang bermaksud zina secara paksa. Manakala, sebahagian ulama' lain pula seperti Imam Malik (1994) dan Imam Al-Syafi'e (2002), menggunakan istilah '*ighṭisāb*' yang secara langsungnya membawa maksud rogol. Kebanyakan ulama' terdahulu membincangkan jenayah rogol dalam kitab-kitab turath di bawah topik zina kerana keduanya mempunyai persamaan, iaitu persetubuhan haram. Walau bagaimanapun, beberapa ulama' kontemporari seperti 'Awdah (2005), Al-Masyae'li (2009), Al-Zuhaily (2007) dan Zaidan (2000) menegaskan bahawa ulama' terdahulu tetap membezakan antara jenayah zina dengan rogol melalui elemen kerelaan atau suka sama suka. Kedua-dua jenayah zina dan rogol memberi implikasi yang besar kepada maqasid Syariah khususnya dalam pemeliharaan maruah dan nasab keturunan (*hiḏf al-nasab*) yang menjadi salah satu daripada lima perkara asas (*daruriyat al-khams*) yang mesti dijaga.

Beberapa kajian literatur semasa berkaitan kesalahan persetubuhan luar nikah dalam kalangan

remaja Muslim di Malaysia telah diteliti. Antaranya kajian oleh Wan Abdul Fattah Wan Ismail et al. (2023) yang telah mengenal pasti faktor-faktor penyebab remaja Muslim terlibat dengan zina seperti kurangnya didikan agama, perceraian ibu bapa, kegagalan komunikasi keluarga, pengongkongan yang keterlaluan, masalah keluarga dan pengambilan dadah. Kesalahan zina ini kemudiannya menimbulkan masalah lain pula, seperti kehamilan luar nikah dan pembuangan bayi. Manakala, sebagai langkah untuk membendung kesalahan zina, Wan Mohd Amjad Wan Halim et al. (2022) telah mencadangkan aplikasi *mynikah* yang mempamerkan sijil nikah sebelum seseorang membuat tempahan hotel. Aplikasi ini boleh dilakukan dengan kerjasama majlis agama Islam negeri-negeri. Salasiah Hanin et al. (2023) pula mencadangkan penambahan tempoh masa pemuliharaan bagi pesalah remaja perempuan yang terlibat dengan kesalahan zina di rumah-rumah perlindungan melebihi kebiasaan enam bulan. Keperluan penambahan tempoh masa ini berdasarkan faktor kognitif otak manusia yang kebiasaannya memerlukan masa yang lebih lama untuk menimbulkan keinsafan. Selain itu, Nur Amalina et al. (2025) pula menekankan tentang kepentingan program intervensi seksualiti berbentuk pendidikan kepada remaja untuk mencegah kesalahan persetubuhan luar nikah.

Dari segi perundangan, Malaysia adalah sebuah negara federalisme yang mengamalkan sistem dwiperundangan, terdiri daripada undang-undang sivil dan undang-undang Syariah. Undang-undang sivil terpakai kepada semua warganegara dan berada di bawah bidang kuasa Persekutuan serta merangkumi keseluruhan kesalahan jenayah yang terkandung dalam Kanun Keseksaan (Tun Mohd. Salleh Abas, 2015; Abdul Aziz Bari, 2013). Jenayah-jenayah berat seperti pembunuhan, rogol dan mencuri berada sepenuhnya dalam bidang kuasa sivil (Mohamad Shariff & Asidah, 2008). Manakala, undang-undang Syariah pula berada di bawah kuasa negeri, terhad kepada orang Islam, dan meliputi kesalahan yang ditetapkan dalam Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah negeri. Jenis kesalahan yang diperuntukkan adalah yang berkait dengan akidah, kesucian agama dan institusinya serta yang berhubung dengan kesusilaan. Pembahagian kuasa ini ditetapkan oleh Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Dari segi had bidangkuasa pula, mahkamah Syariah mempunyai keterhadan dan keterbatasan dalam menjatuhkan hukuman berbanding dengan mahkamah sivil.

Dalam peruntukan undang-undang jenayah Syariah negeri-negeri, pesalah remaja dikenali sebagai pesalah muda, iaitu mereka yang berumur lebih sepuluh tahun dan kurang daripada enam belas tahun. Tafsiran pesalah muda ini telah diseragamkan antara semua negeri. Walau bagaimanapun, masih terdapat masalah penyelarasan dalam hukuman alternatif terutama kepada pesalah muda antara negeri-negeri. Oleh itu, Mohd Abu Hassan et al. (2017) mencadangkan penyelarasan dan penyeragaman

dalam perkara tersebut. Azizah Mat Rashid et al. (2021) pula mencadangkan penyeragaman undang-undang antara kesemua negeri dari sudut jenis-jenis kesalahan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri agar penguatkuasaan undang-undang lebih efisien. Sementara, Adibah Bahori et al. (2017) pula melihat keperluan untuk mewujudkan perintah pemulihan dan khidmat masyarakat bagi menangani krisis akhlak seperti zina.

Oleh sebab itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis peruntukan undang-undang di Malaysia yang berkait dengan kesalahan persetubuhan luar nikah atau zina dalam kalangan remaja Muslim serta isu dan cabaran yang timbul daripadanya.

### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan reka bentuk analisis kandungan. Pengumpulan data kajian diperolehi daripada dokumen seperti buku-buku fiqh turath dan kontemporari serta akta perundangan, seperti Kanun Keseksaan, dan Enakmen Kanun Jenayah Syariah negeri-negeri. Data kajian kemudiannya dianalisis secara deskriptif dan tematik berpandukan kepada objektif kajian.

### DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Peruntukan undang-undang Malaysia terhadap kesalahan zina dalam kalangan remaja Muslim secara khususnya hanya terdapat dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah. Namun, kesalahan yang sama turut boleh didakwa di bawah Kanun Keseksaan tetapi dengan tafsiran rogol statutori atau rogol bawah umur.

Pertama; Peruntukan kesalahan zina dalam enakmen atau akta jenayah Syariah di setiap negeri diperincikan seperti berikut:

Negeri	Istilah	Hukuman
Wilayah Persekutuan, Selangor, Kedah, Perak, Pulau Pinang, Pahang, Johor dan Sarawak	Persetubuhan Luar Nikah	Denda tidak melebihi RM 5,000; atau penjara tidak melebihi 3 tahun; atau sebatan tidak melebihi 6 sebatan; atau kombinasi mana-mana hukuman
Negeri Sembilan, Perak, Sabah	Persetubuhan Haram	Denda tidak melebihi RM 5,000; atau penjara tidak melebihi 3 tahun; atau kedua-duanya
Melaka	-Seksyen 52, Percubaan Persetubuhan Haram	-Seksyen 52: Denda tidak melebihi RM 5,000; atau penjara tidak melebihi 36

	-Seksyen 53, Bersekediaman -Seksyen 55, Bersubahat Melakukan Persetubuhan Haram (Tiada peruntukan secara langsung)	bulan; atau kedua-duanya. -Seksyen 53: Denda tidak melebihi RM 3,000; atau penjara tidak melebihi 24 bulan; atau kedua-duanya. -Seksyen 53: Denda tidak melebihi RM 3,000; atau penjara tidak melebihi 24 bulan; atau kedua-duanya.
Kelantan, Terengganu	Zina	-Jika pesalah mohsan, dihukum rejam, iaitu dilontar dengan batu yang sederhana besarnya sehingga mati. -Jika pesalah ghairu mohsan, dihukum dengan hukuman sebat sebanyak seratus sebatan dan sebagai tambahan hendaklah dipenjarakan selama satu tahun.
Perlis	-Seksyen 10, Berkelakuan Sumbang -Seksyen 11, Muqaddimah Zina -Seksyen 12, Bersubahat Melakukan Kesalahan Muqaddimah Zina (Tiada peruntukan secara langsung)	-Seksyen 10,11 dan 12: Denda tidak melebihi RM 3,000; atau penjara tidak melebihi 2 tahun; atau kedua-duanya; dan tidak boleh tinggal bersama

Jadual 1: Senarai enakmen atau akta kesalahan jenayah Syariah negeri-negeri berkaitan jenayah zina

Berdasarkan jadual peruntukan di atas, terdapat tiga istilah yang digunakan dalam kesalahan yang sama, iaitu 'persetubuhan luar nikah', 'persetubuhan haram' dan 'zina'. Negeri-negeri yang tidak menggunakan istilah 'zina' secara langsung adalah disebabkan oleh status peruntukan undang-undang yang berada dalam kategori kesalahan takzir. Keadaan ini berbeza dengan negeri Kelantan dan Terengganu yang meletakkan kesalahan ini dalam kategori jenayah hudud dan menggunakan secara langsung istilah 'zina' dalam peruntukan undang-undang. Manakala dari segi hukuman pula, sembilan buah negeri (Wilayah Persekutuan, Selangor, Johor, Pahang, Pulau Pinang, Kedah, Perak, Sabah dan Sarawak) meletakkan

hukuman maksimum seperti yang termaktub dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965, yang dikenali juga dengan Akta 355, iaitu denda tidak melebihi RM 5, 000; atau penjara tidak melebihi 3 tahun; atau sebatan tidak melebihi 6 sebatan, atau kombinasi mana-mana hukuman. Sementara itu, negeri Kelantan dan Terengganu meletakkan hukuman hudud iaitu rejam bagi pesalah *muhsan* (telah berkahwin) dan sebat kepada pesalah *ghairu muhsan* (belum berkahwin). Walau bagaimanapun, dari segi pelaksanaan, kedua-dua negeri ini masih lagi tidak dapat mengaplikasikan hukuman ini kerana ia bertentangan dengan kuasa yang telah diberikan oleh Persekutuan seperti yang termaktub dalam Akta 355. Kedua; peruntukan undang-undang berkaitan zina yang melibatkan remaja atau kanak-kanak bawah umur turut boleh didakwa di bawah Kanun Keseksaan. Ia terletak di bawah Seksyen 375(g) Kanun Keseksaan dalam kategori jenayah rogol yang lebih dikenali dengan istilah 'rogol statutori' atau 'rogol bawah umur'. Peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

*Seksyen 375- Rogol*

*Seseorang lelaki adalah dikata melakukan "rogol" jika ia, kecuali dalam hal yang dikecualikan kemudian daripada ini, bersetubuh dengan seseorang perempuan dalam keadaan yang termasuk di bawah mana-mana daripada perihal-perihal yang berikut:*  
(g) sama ada dengan kerelaan perempuan itu atau tidak, apabila perempuan itu di bawah umur enam belas tahun.

Berdasarkan peruntukan di atas persetubuhan luar nikah yang dilakukan oleh seorang lelaki dengan seseorang perempuan yang berumur enam belas tahun ke bawah tetap dikira sebagai rogol walaupun dilakukan dengan kerelaan atau suka sama suka, dan bukannya zina. Hanya pihak lelaki yang disabitkan dengan kesalahan di bawah akta ini, walaupun hakikatnya turut dilakukan dengan persetujuan bersama oleh pihak perempuan. Hal ini kerana undang-undang menyifatkan gadis yang berumur bawah 16 tahun sebagai kanak-kanak. Maka, sebarang kerelaan dan persetujuan mereka dalam perlakuan seksual tidak diambil kira dengan anggapan pada usia tersebut mereka tidak dapat memahami sifat, perlakuan dan kesan daripada perlakuan seksual itu. Tujuan peruntukan ini pada asalnya adalah untuk melindungi perempuan bawah umur daripada eksploitasi seksual oleh lelaki dewasa.

Dari segi hukuman pula, terdapat dua bentuk hukuman dalam peruntukan Kanun Keseksaan ini kerana ia bergantung pada tahap kerelaan dan umur remaja perempuan tersebut. Hukuman pertama, berdasarkan Seksyen 376 (1), sekiranya hubungan seksual itu dilakukan dengan kerelaan remaja perempuan yang berumur dalam lingkungan 13 hingga 16 tahun, hukumannya adalah penjara yang boleh sampai tempoh 20 tahun dan boleh juga dikenakan sebatan. Hukuman kedua pula, mengikut Seksyen 376 (2), sekiranya hubungan seksual itu

dilakukan tanpa kerelaan remaja perempuan di bawah 16 tahun; atau dengan kerelaan atau tanpa kerelaan bagi kanak-kanak perempuan bawah umur 12 tahun, maka pihak lelaki akan dikenakan tindakan undang-undang yang lebih berat iaitu, hukuman penjara minimum 5 tahun dan maksimum 30 tahun serta sebatan. Hukuman bagi peruntukan ini hanya dikenakan kepada pihak lelaki sahaja.

Berdasarkan analisis terhadap undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan persetubuhan luar nikah atau zina dalam kedua-dua peruntukan di atas, maka isu dan cabaran utama telah dikenal pasti, iaitu konflik perundangan antara Syariah dengan sivil dalam tafsiran zina dan rogol yang turut memberi kesan kepada bentuk hukuman. Kesalahan berkait dengan persetubuhan luar nikah atau zina dalam kalangan remaja Muslim dilihat bertindan antara Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah dengan Kanun Keseksaan dari sudut jenis kesalahan seksual secara sukarela. Walau bagaimanapun, kedua-dua peruntukan menggunakan istilah yang berbeza yang menyebabkan timbulnya kekeliruan (Nur Aina et al. 2022; Haja Mydin Abdul Kuthoos et al., 2016). Ini kerana Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri menggunakan istilah 'persetubuhan luar nikah' bertepatan dengan maksud sebenar zina dalam Islam kerana ia dilakukan secara sukarela oleh kedua-dua pihak, iaitu lelaki dan perempuan. Manakala, istilah yang digunakan dalam Kanun Keseksaan adalah rogol yang membawa maksud kesalahan seksual tanpa kerelaan dan hanya pihak lelaki sahaja yang akan disabitkan dengan kesalahan. Tafsiran ini dilihat tidak sesuai dan tidak adil selain menimbulkan kekeliruan.

Namun, disebabkan hukuman yang ada dalam Kanun Keseksaan itu lebih tinggi dan berat berbanding Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah, maka kebanyakan kes akan dibawa ke mahkamah sivil, bukannya mahkamah Syariah. Contohnya kes *Nor Afizal bin Azizan v Public Prosecutor* [2012] 6 MLJ 171, yang didakwa di mahkamah sivil bawah Seksyen 375 (g) Kanun Keseksaan kerana melibatkan gadis bawah umur. Hukuman yang ada dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah terlalu sedikit dan tidak mendatangkan kegerunan terhadap masyarakat serta tidak mencapai maqasid Syariah dari sudut pemeliharaan maruah dan nasab (*hifz al-nasab*). Wan Mohd Amjad Wan Halim et al. (2022) membuktikan perkara ini hasil daripada kajiannya terhadap konsensus pakar mengenai keterhadan hukuman di mahkamah Syariah.

Tambahan lagi, Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Bukit Aman melaporkan bahawa 90 peratus kes rogol statutori adalah terdiri daripada hubungan seks luar nikah secara sukarela atau 'suka sama suka' antara pasangan kekasih dan bukannya secara paksaan (Harian Metro, 29 November 2023). Kebanyakan kes seperti ini dilaporkan oleh pihak keluarga perempuan untuk

menutup aib terutama apabila berlaku kehamilan luar nikah (Malaysia Gazette, 22 September 2025).

Selain itu, perkara yang perlu diberikan perhatian adalah dari segi intervensi kepada remaja perempuan yang terlibat dengan kesalahan zina. Disebabkan kebanyakan kes persetubuhan luar nikah secara sukarela ini dibawa ke mahkamah sivil di bawah akta rogol, seksyen 375(g) Kanun Keseksaan, maka, pihak perempuan akan terlepas daripada tindakan undang-undang dan hanya pihak lelaki yang akan dijatuhkan hukuman. Perkara ini dilihat sebagai tidak adil dan tidak mendatangkan keinsafan kepada remaja perempuan tersebut serta tidak dapat membendung mereka daripada mengulangi kesalahan itu. Perkara ini terjadi kerana tiada satu arahan amalan perintah mahkamah secara bertulis untuk menghantar remaja tersebut ke pusat atau kelas pemulihan akhlak sebagai pemulihan atau restoratif. Penghantaran ke rumah pemulihan akhlak hanya dilakukan atas inisiatif hakim atau ibubapa sahaja dan bukannya suatu kewajiban. Sepatutnya, remaja perempuan dalam kes persetubuhan luar nikah secara sukarela ini turut dikenakan tindakan undang-undang (Harian Metro, 22 September 2025). Kesalahan mereka tidak boleh dinafikan atau dipandang enteng kerana ia merupakan salah satu daripada keruntuhan akhlak yang menyumbang kepada gejala sosial negara. Ketiadaan intervensi atau pemulihan bersifat wajib kepada remaja perempuan dalam salah laku seksual secara sukarela ini merupakan kelompongan dalam peruntukan undang-undang sedia ada. Sekiranya remaja tersebut seorang Muslim, mereka sepatutnya wajib dihantar ke mana-mana kelas pemulihan akhlak di bawah majlis agama Islam negeri di bawah arahan mahkamah.

#### KESIMPULAN

Kesimpulannya, peruntukan undang-undang Malaysia berkaitan kesalahan persetubuhan luar nikah dalam kalangan remaja Muslim masih perlu ditambah baik dan konflik perundangan antara Syariah dengan sivil dalam tafsiran rogol dan zina perlu diselesaikan. Maka, berdasarkan analisis terhadap undang-undang, isu dan cabaran di atas, penulis mencadangkan beberapa perkara penambahbaikan perundangan demi untuk membendung kesalahan zina dalam kalangan remaja Muslim. Pertama; Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965, dikenali dengan Akta 355, perlu digubal dengan menaikkan tahap maksimum hukuman setanding dengan mahkamah sivil. Kedua; tafsiran rogol dalam Kanun Keseksaan bagi kesalahan persetubuhan luar nikah secara sukarela dalam kalangan remaja perlu diperbetulkan. Kesalahan persetubuhan luar nikah yang dilakukan secara sukarela perlu dikeluarkan dari tafsiran rogol. Ketiga; satu bentuk intervensi dan pemulihan terhadap remaja perempuan yang terlibat dalam kesalahan persetubuhan luar nikah secara sukarela perlu diwujudkan melalui arahan amalan perintah

mahkamah. Keempat; kerjasama antara mahkamah sivil dengan mahkamah Syariah perlu dijalinan dalam mengendalikan kes-kes persetubuhan luar nikah yang melibatkan remaja Muslim. Mahkamah sivil perlu menolak kes persetubuhan luar nikah secara sukarela yang melibatkan remaja Muslim kepada mahkamah Syariah kerana ia adalah kesalahan zina dan bukannya rogol.

#### PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada kajian yang dilakukan di bawah geran dalaman universiti dengan kod penyelidikan PPPI/RACER/FSU/USIM/19923 yang bertajuk '*Permasalahan Persetubuhan Luar Nikah di Kalangan Remaja Muslim: Penilaian Semula Berdasarkan Persepektif Syariah dan Undang-Undang*'. Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) atas penganugerahan geran ini.

#### RUJUKAN

##### Buku

- Abdul Aziz Bari. (2013). *Perlembagaan Malaysia, Asas-asas dan Masalah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al- Al-Hutab Al-Ru`aini, Muhammad bin Muhammad bin Abdul Rahman. (1992). *Mawahib al-Jalil*. Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr.
- Al-Bahuti, Mansur Yunus Idris. (2000). *Kasyaf al-Qana'*. Beirut, Lubnan: Dar Ihya' al-Turath al-A`rabi.
- Al-Kasani, Abu Bakr Ma`ud. (1997). *Bada'i al-Sanā'i*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Masyae'li, Muhammad Burhan. (2009). *Al-Ightisab wa al-Shuzuz baina al-Shara' wa al-Qanun*. Riyadh, Saudi Arabia: Maktabah al-Qonun wa al-Iqtisod.
- Al-Syarbini, Muhammad Ahmad Al-Khatib. (2005). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Alfaz al-Minhaj*. Cairo, Egypt: Dar al-Nahdah al-Arabiah.
- Al-Zuhaily, Wahbah. (2007). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Dimasq, Syria: Dar al-Fikr.
- 'Awdah, Abdul Qadir. (2005). *Al-Tashri' al-Jina'i al-Islami: Muqaranan bi al-Qanun al-Wud'ie*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Anita Abdul Rahim. (2012). *Jenayah kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Ibn 'Abidin, Muhammad Ali Muhammad al-Husni. (1992). *Radd al-Mukhtar a'lam al-Dar al-Mukhtar*. Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah, Abdullah Ahmad Muhammad. (2009). *Al-Mughni*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Ibn Rushd, Muhammad Ahmad Rushd Al-Qurtubi. (2004). *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*. Cairo, Egypt: Dar al-Ḥadīth.
- Mohamad Shariff bin Abu Samah, Asidah Mohd Ali. (2008). *Undang-undang Jenayah di Malaysia*. Petaling Jaya, Selangor: International Law Book Services.
- Tun Mohd. Salleh Abas. (2015). *Prinsip Perlembagaan & Pemerintahan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaidan, Abdul Karim. (2000). *Al-Mufasssal fi Ahkam al-Mar'ah wa al-Bait al-Muslim*. Beirut, Lubnan: Resalah Publisher.

#### Artikel Jurnal

- Abu Hassan Abdullah, Ahmad 'Azam Mohd Shariff, & Azhan Yahya. (2017). *Pesalah muda dalam kes jenayah syariah di Malaysia: Kajian ke atas had umur pesalah serta hukuman bersifat pemulihan dari perspektif prinsip Syariah*. *Current Law Journal*, 1, 1–11.
- Adibah Bahori, Siti Zubaidah Ismail, & Nik Khazarita Nik Md Khalib. (2017). *Keperluan hukuman alternatif terhadap penyelesaian krisis akhlak di Malaysia: Analisis pendekatan undang-undang Syariah*. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan*.
- Azizah Mat Rashid, Nor 'Adha Abd Hamid, Ahmad Azam Mohd Shariff, Adibah Bahori, & Masnooraini Mohiddin. (2021). *Aplikasi kaedah Sadd al-Dhara'i dalam mengekang persetubuhan luar nikah: Analisis terhadap peruntukan undang-undang jenayah Syariah di Malaysia dan Brunei*. *Islamiyyat*, 29(42), 29–42.
- Che Thalbi Md Ismail, A. A. R. (2017). *Element of consent in statutory rape law: An analysis under the Malaysian Penal Code*. *Man In India*, 97, 351–358.
- Haja Mydin Abdul Kuthoos, Noraida Endut, Azman Azwan Azmawati, Intan Hashimah Mohd Hashim, & Nor Hafizah Selamat. (2016). *Penerokaan awal terhadap jenayah seksual dalam kalangan remaja lelaki di Malaysia: Satu kajian kes terhadap remaja di sebuah pusat pemulihan*. In *3rd KANITA Postgraduate International Conference on Gender Studies* (pp. 188–200).
- Nur Aina Abdulah, & Nur Al Farhain Kamruzaman. (2022). *Kekeliruan antara jenayah zina dan rogol statutori di Malaysia: Keperluan kepada penjelasan*. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(4), 152–161. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol27no4.472>
- Nur Amalina Abd Laziz, Nor Hamizah Ab. Razak, & Dini Farhana Baharudin. (2024). *Kajian intervensi seksualiti di Malaysia: Satu ulasan*. *Journal of Southeast Asia Psychology (SAPJ)*, 12(1), 22. <https://doi.org/10.51200/sapj.v12i1.5058>
- Salasiah Hanin Hamjah, Muhamad Faisal Ashaari, Rosmawati Mohamad Rasit, & Fitri Munawaroh Zailani. (2023). *Kesesuaian tempoh pemulihan pelatih di Rumah Pemulihan Baitul Ehsan dari perspektif pakar*. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(2), 263–279. <http://www.bitarajournal.com>
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Zuriatunfadzliah Sahdan, Ahmad Syukran Baharuddin, Lukman Abdul Mutalib, Nik Salida Suhaila Nik Saleh, Zulfaqar Mamat, Syh Noorul Madihah Syed Husin, & Mohamad Aniq Aiman Alias. (2023). *Keruntuhan institusi kekeluargaan dan perzinaan remaja Muslim di Malaysia*. *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 35(1), 19–38. [https://doi.org/10.37052/kanun.35\(1\)no2](https://doi.org/10.37052/kanun.35(1)no2)
- Wan Mohd Amjad Wan Halim, Rohani Desa, & Candidate, P. (2022). *Analisis pencapaian hijz al-nasab terhadap Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah berdasarkan kaedah Fuzzy Delphi*. *Jurnal Fiqh*, 19(1), 109–132.

#### Akta

Kanun Keseksaan Malaysia (Akta 574).

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri.

#### Akhbar

- 90 peratus kes suka sama suka. (2023, 29 November). *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2023/11/1035247/90-peratus-kes-suka-sama-suka>
- Kes rogol berkumpulan dalam kelas di Melaka, pelajar didakwa Seksyen 375B, 377B KK – AGC. (2025, 17 Oktober). *Berita Harian*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2025/10/1276254/kes-rogol-berkumpulan-dalam-kelas-di-melaka-pelajar-didakwa-seksyen-375b-377b>
- Seks suka sama suka: Perempuan 15 tahun sudah matang tentu baik buruk. (2025, 22 September). *Malaysia Gazette*. <https://malaysiagazette.com/2025/09/22/seks-suka-sama-suka-perempuan-15-tahun-sudah-matang-tentu-baik-buruk-peguam/>
- Wajar dakwa remaja perempuan bawah umur dalam kes seks suka sama suka – Peguam. (2025, 22 September). *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1266882/wajar-dakwa-remaja-perempuan-bawah-umur-dalam-kes-seks-suka-sama-suka>

#### Kamus Online

Dewan Bahasa dan Pustaka. (t.t.). <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kamus%20online>

#### Laporan Agensi Kerajaan


- Kementerian Kesihatan Malaysia. (t.t.). *Dasar Kesihatan Remaja Negara*. Selangor: Alista Sdn. Bhd.
- Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara. *Gejala Sosial Remaja yang Membimbangkan* (t.t.). <https://keluargabahagia.my/index.php?r=portal/article2&id=YXBNaVJIWk4zcExkQzFrMDlpNk9hUT09>

# Journal of Contemporary ISLAMIC LAW

Volume: 10 Issue: 2

ISSN 2976-3916 eISSN: 0127-788X

DECEMBER 2025



**Published by:**  
Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.  
[www.ukm.my/jcil](http://www.ukm.my/jcil)

eISSN 0127-788X



KANDUNGAN / CONTENTS

<b>Hukum Memakan Hamster Menurut Pandangan Empat Mazhab</b> <i>The Ruling on Eating Hamsters According to the Perspectives of the Four Madhhabs</i> Nur Anis Nadhira Azhar, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim & Nik Salida Suhaila Nik Saleh	1-8
<b>Aplikasi Fatwa Kontemporari Terhadap Produk Makanan Moden</b> <i>The Application of Contemporary Fatwas on Modern Food Products</i> Nur Aqila Mohd Zahari, Nur Ain Nabihah Nasharuddin, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim & Nik Salida Suhaila Nik Saleh	9-19
<b>Beli Dahulu Bayar Kemudian (BNPL) Sebagai Wahana Perbelanjaan Patuh Syariah dan Beretika: Satu Tinjauan Literatur</b> <i>Buy Now Pay Later (BNPL) as a Shariah-Compliant and Ethical Spending Mechanism: A Literature Review</i> Nurlailatul Akma Abu Bakar, Ahmad Dahlan Salleh	20-28
<b>الزكاة كأداة استراتيجية لتحقيق التنمية المستدامة في سلطنة عُمان: نحو تكامل اقتصادى واجتماعى مع رؤية عُمان ٢٠٤٠</b> <i>Zakat as a Strategic Tool for Achieving Sustainable Development in the Sultanate of Oman: Towards Economic and Social Integration with Oman Vision 2040</i> Badriya Ahmed Mahmood Al Rawahi, Nurul Ilyana Muhd Adnan & Mohammad Zaini Yahaya	29-36
<b>Implikasi Fenomena Childfree terhadap Keseimbangan Generasi: Suatu Tinjauan dari Perspektif Islam</b> <i>Implications of the Childfree Phenomenon on Generational Balance: A Review from an Islamic Perspective</i> Maizatul Aliya Hairunnizam, Wafaa' binti Yusof	37-46
<b>Impak Jenayah Merempit Menurut Perundangan Sivil dan Perspektif Hukum Islam</b> <i>The Impact of Illegal Street Racing under Civil Law and the Perspective of Islamic Jurisprudence</i> Wan Nur Adlin Sofiya Wan Muhammad Azan & Wafaa' Yusof	47-61
<b>Tahap Pengetahuan Ibu Bapa Terhadap Kesan Trend Sharenting Kepada Kanak-kanak di Lembah Klang, Malaysia</b> <i>Level of Parents' Knowledge on The Impact of Sharenting Trend towards Children in Lembah Klang, Malaysia</i> Abdul Muaz bin Mustaffa & Nurbazla Ismail	62-70
<b>Microcredit Berasaskan Dana Wakaf Tunai</b> <i>Microcredit Based on Cash Waqf Funds</i> Mohammad Zaini Yahaya, Amir Fazlim Jusoh@Yusoff, Muhammad Adib Samsudin	71-82
<b>Harmonising Shariah Principles on Debt Recovery Practices of Islamic Banks with Regulations Related to Authorised Debt Management Agency in Malaysia</b> Uzaimah Ibrahim, Safinar Salleh, Muhammad Zuhaili Muda & Mohammad Hafiz Mohd Zaki	83-91

<b>Inovasi dan Variasi Produk Hibah dalam Perancangan Harta Orang Islam di Malaysia</b> <i>Innovations and Diversification of Hibah Instruments in Islamic Estate Planning in Malaysia</i>	92-103
Nurul Huda Abdullah, Noor Lizza Mohamed Said & Mohd Zamro Muda	
<b>Peruntukan Undang-undang terhadap Kesalahan Persetubuhan Luar Nikah dalam Kalangan Remaja Muslim: Isu dan Cabaran</b> <i>Legal Provisions on Unlawful Sexual Intercourse Among Muslim Adolescents: Issues and Challenges</i>	104-109
Nur Aina Abdulah, Nur Al-Farhain Kamaruzaman, Mashitah Abdul Mutalib, & Nurul Ain Hazram	